



ARKIB : 30/11/2010



BN menang majoriti lebih baik pada PRU-13 - Dr. Mahathir

30/11/2010 8:33pm

KUALA LUMPUR 30 Nov. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad meramalkan kerajaan Barisan Nasional (BN) akan menang dengan majoriti lebih baik pada pilihan raya umum akan datang berbanding dengan pilihan raya umum 2008.

Beliau berkata, ini kerana kerajaan kini masih kuat dan mungkin margin kemenangan adalah sesuatu yang baik.

"Saya benci untuk meramal perkara ini kerana ia mungkin tidak diterima dengan sangat baik, tetapi saya fikir menang kuat adalah sangat penting... dalam pilihan raya umum akan datang, kerajaan akan masih menang dan majoriti mungkin lebih baik daripada 2008," katanya ketika ditanya mengenai ramalan beliau bagi pilihan raya umum akan datang.

Dr. Mahathir berkata demikian selepas menyampaikan ucapan bertajuk "Lanskap Politik Malaysia - Pengalaman, Perspektif dan Pemikiran" pada Dialog Forum Malaysia-Eropah (MEF) Kuala Lumpur ketiga 2010 di sini hari ini. - Bernama